

Dunia sanjung Mahathir letak jawatan Perdana Menteri

UM - 1 NOV 2003

BANGKOK 31 Okt. — Tun Dr. Mahathir Mohamad melepaskan jawatan Perdana Menteri hari ini dengan sanjungan datang mencurah-curah dari seluruh dunia.

Penghormatan disuarakan dalam lidah-lidah pengarang akhbar di Britain, Arab Saudi, Kenya, Singapura dan Indonesia.

“Sebagai tokoh yang kompleks, kehilangan yang akan dirasai ialah dari segi tenaga dan wawasan beliau tetapi bukan prejudis beliau,” menurut lidah pengarang akhbar *Guardian* di London.

Dua stesen televisyen paling popular di dunia Arab, *Al-Jazeera* dan *Al-Arabiya* menyiarkan majlis penyerahan tugas Dr. Mahathir secara langsung hari ini.

“Sukar untuk membayangkan rantau ini tanpa beliau. Lebih tepat lagi, pentas dunia tanpa beliau,” menurut lidah pengarang *Straits Times* di Singapura.

Lidah pengarang *Business Times Singapore* menyebut, Dr. Mahathir meninggalkan Malaysia satu kelas pertengahan Melayu yang kukuh dan lebih penting lagi, kestabilan sosial.

Akhbar itu menyebut mengenai kemajuan dalam membasmi kemiskinan yang banyak dicapai semasa pentadbiran Dr. Mahathir.

Akhbar *Jakarta Post* di Indonesia memuji Dr. Mahathir kerana membuktikan kepada dunia bahawa sebuah negara bukan Barat mampu mengendalikan peralihan kuasa secara teratur.

Bagaimanapun jika Dr. Mahathir meneruskan kritikan-kritikan lantanginya semasa persaraan, beliau lambat-laun akan dianggap sebagai orang tua yang menjadi pengacau politik, menurut *Jakarta Post*.

Perdana Menteri Australia, John

Howard enggan mengulas apabila ditanya sama ada beliau ingin menyampaikan ucapan perpisahan kepada Dr. Mahathir yang telah kerap menjadikan Australia sebagai sasaran kritikan.

“Saya tidak ada sebarang komen,” kata Howard kepada stesen radio 3AW.

Beliau bagaimanapun berkata, hubungan erat yang dijalinkan oleh 200,000 rakyat Malaysia yang mendapat pendidikan di universiti-universiti Australia adalah lebih produktif daripada sumbangan yang diberikan oleh ketua-ketua kerajaan.

Akhbar *Nation* di Thailand menyatakan, persaraan Dr. Mahathir meninggalkan kekosongan bagi peranan pemimpin utama di rantau ini.

Bagaimanapun akhbar itu menegaskan, Asia Tenggara tidak memerlukan seorang klon Dr. Mahathir. — AP